

Pemuda Umno Perlu Berani, Tambah Nilai Diri - Bung Moktar Bernama
August 10, 2014

SANDAKAN, 10 Ogos (Bernama) -- Anggota Pergerakan Pemuda Umno perlu berani dan menambah nilai diri dalam menghadapi perkembangan politik semasa yang semakin mencabar.

Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Bung Moktar Radin berkata antara perkara yang harus diberi tumpuan ialah aspek komunikasi dan teknologi maklumat berikutan perkembangan politik kini banyak dipengaruhi media sosial dan perang siber.

"Pemuda Umno perlu berani dan proaktif menghadapi unsur negatif dalam media sosial berikutan isu yang dimainkan mampu membawa kepada perpecahan kaum dan agama," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda Umno Kinabatangan di sini Ahad.

Bung Moktar yang juga Anggota Parlimen Kinabatangan berkata dalam perkembangan komunikasi dan teknologi maklumat, individu tidak bertanggungjawab bebas membuat berita palsu dan tuduhan yang tidak membina.

Justeru, katanya di sinilah Pemuda Umno boleh berperanan menerusi media sosial untuk menangkis tomahan yang boleh mengugat perpaduan kaum dan agama.

Beliau juga berkata usaha perlu dipertingkatkan Umno dan Barisan Nasional dalam menghadapi tohmahan dan fitnah yang dilemparkan individu tidak bertanggungjawab termasuk dari parti pembangkang.

"Ia (tomahan) tidak hanya ditangani menerusi media sosial tetapi pendekatan turun padang ke akar umbi perlu dipertingkatkan untuk berjumpa dan memberi penerangan kepada rakyat supaya tidak terpengaruhi unsur negatif," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1059187>